



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1981

Tuan,

SYARAT KELULUSAN BAHASA MALAYSIA BAGI MAKSUD PENGAMBILAN— PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA/SIJIL RENDAH PELAJARAN

1. Tujuan

1.1 Tujuan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk menekan semula syarat kelulusan Bahasa Malaysia bagi maksud pengambilan untuk mengisi jawatan yang kosong dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan dan memberi penjelasan berkenaan dengannya.

2. Dasar Pokok

2.1 Kelulusan Bahasa Malaysia adalah menjadi dasar bagi perlantikan untuk mengisi jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan. Tiada pengecualian dari syarat lulus Bahasa Malaysia bagi maksud perlantikan.

2.2 Semua skim perkhidmatan bagi jawatan-jawatan dalam Kumpulan A, B, C dan juga D adalah mensyaratkan kelulusan dalam matapelajaran Bahasa Malaysia di peringkat Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Rendah Pelajaran, mengikut keadaan keperluannya, sebagai salah-satu syarat kelayakan masuk.

2.3 Skim-skim perkhidmatan akan menentukan taraf kelulusan yang dikehendaki sama ada di peringkat kepujian atau peringkat lulus dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia ataupun Sijil Rendah Pelajaran menurut keperluan perkhidmatan.

2.4 Di dalam skim perkhidmatan yang mensyaratkan kelayakan yang lebih rendah daripada Sijil Rendah Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan dan pihak berkuasa melantik yang lain bolehlah mengadakan ujian dengan cara bertulis ataupun lisan di dalam masa temuduga atau secara berasingan untuk menentukan kebolehan seseorang calon itu bertutur, membaca atau menulis dalam Bahasa Malaysia.

2.5 Jika Kerajaan meluluskan perlonggaran syarat Bahasa Malaysia bagi pengambilan pegawai iktisas dalam Kumpulan A oleh kerana didapati kekurangan calon-calon yang berkelayakan penuh, Suruhanjaya Perkhidmatan dan badan melantik yang lain hendaklah mengenakan syarat di dalam tawaran perlantikan yang dikeluarkan supaya calon berkenaan melulusi matapelajaran Bahasa Malaysia di peringkat peperiksaan yang disyaratkan oleh skim perkhidmatan yang berkenaan.

3. Kelulusan Bahasa Malaysia di Peringkat SPM/MCE

3.1 Mulai dari tarikh keluarnya Surat Pekeliling ini, di mana-mana sesuatu skim itu mensyaratkan kelulusan dalam Bahasa Malaysia di peringkat kepujian atau peringkat lulus dalam Peperiksaan SPM atau lain-lain peperiksaan yang diiktiraf setaraf dengannya. Kelulusan yang dikehendaki itu hendaklah disertai dengan lulus ujian lisan peperiksaan SPM atau peperiksaan lain yang diiktiraf.

3.2 Walau bagaimanapun kelulusan matapelajaran Bahasa Melayu atau matapelajaran Bahasa Malaysia bagi Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education atau Overseas School Certificate of Education yang diambil sebelum daripada tahun 1973 adalah diterima seperti telah memenuhi syarat kelulusan Bahasa Malaysia yang ditetapkan sekiranya taraf kelulusan di peringkat berkenaan dicapai, walaupun tanpa disertai dengan lulus ujian lisan.

3.3 Kelulusan Bahasa Malaysia yang ditetapkan dalam mana-mana skim perkhidmatan sebagai salah-satu syarat kelayakan masuk itu tidak perlu diperolehi dalam satu peperiksaan yang sama dengan Sijil Pelajaran Malaysia yang menjadi syarat asas perantikan yang ditetapkan oleh skim perkhidmatan berkenaan. Dalam perkataan yang lain, apabila seseorang yang memohon jawatan dalam perkhidmatan awam, badan berkanun atau kuasa tempatan telah mempunyai kelayakan akademik, teknikal atau profesyenal sebagaimana ditetapkan dalam skim perkhidmatannya, ia hendaklah juga mempunyai kelulusan dalam matapelajaran Bahasa Malaysia di peringkat lulus atau kepujian beserta lulus ujian lisan di dalam Peperiksaan SPM. Seseorang calon itu dianggap mempunyai kelulusan Bahasa Malaysia di peringkat lulus ataupun kepujian serta ujian lisan dalam Peperiksaan SPM dengan menunjukkan bukti bahawa ia telah memperolehi kelulusan tersebut itu. Apa yang dipentingkan ialah bukti kelulusan akademik, teknikal, profesyenal dan kelulusan Bahasa Malaysia yang diperolehinya.

4. Lantikan dengan Perlonggaran Syarat Bahasa Malaysia

4.1 Bagi seseorang pegawai yang telah dilantik ke jawatan iktisas atau jawatan teknikal dengan perlonggaran syarat Bahasa Malaysia, tawaran perantikannya adalah mengandungi syarat untuk memperolehi kelulusan Bahasa Malaysia dalam tempoh percubaan untuk memenuhi syarat pengesahan dalam jawatan. Pegawai berkenaan tidak akan dianggap telah memenuhi syarat Bahasa Malaysia yang ditetapkan untuk tujuan pengesahan dalam jawatannya sehingga pegawai itu memperolehi kelulusan, di peringkat lulus ataupun kepujian dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dalam peperiksaan SPM.

5. Kelulusan Bahasa Malaysia di Peringkat SRP/LCE

5.1 Dalam mana-mana Skim Perkhidmatan Kumpulan "D" yang mensyaratkan lulus atau kepujian Bahasa Malaysia dalam peperiksaan SRP, Sijil SRP sendiri adalah bukti bagi kelulusan dalam Bahasa Malaysia. Seseorang calon itu adalah dianggap mempunyai kelulusan Bahasa Malaysia yang ditetapkan dalam mana-mana skim perkhidmatan berkenaan sebagai salah satu syarat kelayakan masuk dengan menunjukkan bukti bahawa ia telah memperolehi kelulusan tersebut.

5.2 Kelulusan peringkat lulus atau kepujian Bahasa Malaysia dalam peperiksaan SRP itu sebagaimana yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan yang berkenaan tidak perlu diperolehi dalam satu peperiksaan yang sama dengan Sijil SRP yang menjadi syarat asas perantikan yang ditetapkan oleh skim perkhidmatan yang berkenaan.

5.3 Adalah juga diputuskan bahawa mulai daripada tarikh keluarnya Surat Pekeliling ini, kelulusan peringkat kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM/MCE boleh dianggap sebagai memenuhi syarat kelulusan Bahasa Malaysia yang ditetapkan dalam Skim-skim Perkhidmatan Kumpulan "D" yang tertentu iaitu sama ada kelulusan peringkat kepujian atau lulus dalam Bahasa Malaysia di peringkat SRP.

6. Am

6.1 Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab untuk mengambil tindakan bagi melaksanakan dasar yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dan memberitahu semua Pihak Pengurusan Badan

Berkanun/Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri, Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(SHAMSUDDIN BIN DAHLAN)
*Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.*

25hb September, 1981.

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun,
Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Tingkat 7, 9-14 & 16 Bangunan UMBC, Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur 01-33
Telefon: 208144 Alamat Telegraf “Festoff Kuala Lumpur”